

PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



SPM/SKM (KUMPULAN PELAKSANA)



» **PEMBANTU PERTAHANAN AWAM GRED KP19 (ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA)**

Kekosongan : 25

Simpanan: 50

Syarat Kelayakan :

- (i) Memiliki dua (2) subjek **Kepujian** (termasuk subjek **Bahasa Melayu**) dan **empat (4) subjek Lulus** pada peringkat SPM; atau
- (ii) **Bekas anggota polis atau tentera** yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai **rekod perkhidmatan yang baik** dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau
- (iii) Memiliki dua (2) subjek **Kepujian** (termasuk subjek **Bahasa Melayu**) dan **empat (4) subjek Lulus** pada peringkat SPM serta SKM Tahap 2 atau Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (iv) **Memenuhi syarat ukuran fizikal dan pancaindera** seperti yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan.

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Calon-calon juga adalah dimohon untuk **mengemaskini pusat temu duga** yang terkini. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **20 Disember 2020 (Ahad), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA
<https://www.spa.gov.my>

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pembantu-pertahanan-awam-gred-kp19>